

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai keuntungan industri perbankan setiap tahun sejak 2017 dan kos yang ditanggung oleh bank susulan moratorium pinjaman bank yang dilaksanakan pada 2020 dan 2021 serta pengecualian bayaran faedah untuk golongan 50% penduduk Malaysia termiskin bagi tempoh 3 bulan terakhir 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan industri perbankan sebelum cukai pada tahun 2017, 2018 dan 2019 masing-masing adalah melebihi RM25 bilion.

Namun begitu, pada tahun 2020, industri perbankan mencatatkan penurunan tahap keuntungan sebelum cukai, atau dengan izin, *Profit Before Tax (PBT)* yang terburuk semenjak krisis kewangan Asia pada tahun 1997 iaitu sebanyak 24.8% berbanding dengan tahun 2019. Dalam tempoh tersebut, pendapatan bank-bank telah terkesan dengan pengurangan margin faedah akibat penurunan kadar dasar semalaman (*overnight policy rate*) yang ketara, kos-kos yang berkaitan dengan pemberian bantuan bayaran balik pinjaman, peningkatan peruntukan untuk jangkaan kerugian kredit serta volatiliti pasaran kewangan.

NO SOALAN : 34

Walaupun berhadapan dengan cabaran tersebut, kedudukan kewangan industri perbankan kekal teguh untuk terus memberikan bantuan bayaran balik pinjaman kepada pihak yang memerlukannya, di samping memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi menerusi pengantaraan kewangan (*financial intermediation*) yang berkesan. Tambahan lagi, industri kewangan juga menampung lebih dari 370 ribu pekerja. Oleh itu, kemampuan kedudukan kewangan industri perbankan penting terutamanya dalam menyokong pemulihan ekonomi yang dijangka akan lebih meluas tahun hadapan.

Pada bulan Mac 2020, lebih 7.7 juta peminjam individu dan 243,000 perusahaan kecil dan sederhana mendapatkan moratorium pertama selama 6 bulan dengan nilai anggaran berjumlah RM100 bilion. Sejak itu, bank-bank terus memberikan moratorium dan bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar selepas moratorium pertama berakhir pada bulan September 2020. Apabila perintah kawalan pergerakan diperketatkan semula pada bulan Jun 2021, hampir 2.7 juta peminjam individu dan 93,000 peminjam PKS (setakat 29 Oktober 2021) telah menerima bantuan bayaran balik pinjaman dalam bentuk moratorium atau pengurangan ansuran pinjaman melalui pakej bantuan dan rangsangan ekonomi PEMERKASA+ (pada 31 Mei) dan PEMULIH (pada 28 Jun).

Dan baru-baru ini, bagi membantu peminjam menguruskan hutang mereka secara menyeluruh untuk jangka masa yang lebih panjang, pada 14 Oktober 2021, industri perbankan telah mengumumkan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) bagi golongan B50 yang masih hilang pekerjaan, atau mengalami pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50% akibat pandemik COVID-19. Di bawah program ini, peminjam akan mendapatkan khidmat pelan kewangan peribadi daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) yang mengambil kira semua pendapatan peminjam yang mampu diperuntukkan untuk membayar segala hutang peminjam di semua institusi kewangan, selepas menampung segala keperluan hidup.

Peminjam juga akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan dan bantuan bayaran balik pinjaman bagi tempoh sehingga 24 bulan daripada segi penangguhan bayaran dan pengurangan bayaran ansuran

mengikut kemampuan masing-masing. Program yang menyeluruh daripada AKPK ini bukan sahaja membantu peminjam membuat bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapatkan manfaat daripada nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan unjuran awal bagi program URUS, sekitar 1 juta peminjam B50 dijangka menerima bantuan, dengan faedah yang akan dikecualikan adalah sekitar RM1 bilion. Namun, dalam persekitaran ekonomi yang semakin pulih, ada kemungkinan jumlah pemohon menjadi lebih kecil daripada yang dijangkakan.

Melangkah ke hadapan, seperti yang diumumkan melalui Bajet 2022, pihak perbankan dijangka akan menjadi antara penyumbang utama terhadap pemerksaan sistem kesihatan negara dan kesejahteraan rakyat melalui pengenaan Cukai Makmur. Ini adalah kerana kebanyakan daripada bank-bank secara puratanya telah merekodkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM100 juta bagi tahun-tahun sebelum ini.

Sekian, terima kasih.